



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 26 NOVEMBER 2024**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	COPS ARREST CAT ABUSER, NATION, THE STAR -12 LELAKI DERA KUCING TULAR DI MEDIA SOSIAL AKHIRNYA DICEKUP POLIS, KUALA LUMPUR, SH -24	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
3.	AGROBANK SEDIA KEMUDAHAN PERBANKAN DI SUNGAI KOYAN, NIAGA, KOSMO -37	AGROBANK
4. 5. 6. 7. 8. 9. 10. 11. 12.	95% OF PADI FARMERS YET TO SIGN UP PROTECTION PLAN, NEWS, THE STAR -4 PESAWAH DI SELANGOR DISARAN DAFTAR SKIM TAKAFUL TANAMAN PADI -EXCO, BERNAMA -ONLINE SARAWAK SASAR KURANGKAN KEBERGANTUNGAN KEPADA BERAS IMPORT, TVS -ONLINE SELANGOR SALUR RM8.9 JUTA KEPADA PESAWAH, KURANG BEBAN KERUGIAN, SHAH ALAM, SH -26 'KAMI JAGA, BELA TAPI PENCURI YANG SAUK', DALAM NEGERI, UM -35 NELAYAN HILANG PENDAPATAN, NEGARA, KOSMO -18 'INGATKAN SEMPATLAH KUTIP HASIL SEBELUM TENGGUJUH', LOKAL, HM -12 DUN: PERUNTUKAN RM1 BILION NAIK TARAF INFRASTRUKTUR PADI, DALAM NEGERI, UM -31 LAKSANA TANAMAN BUAH-BUAHAN KOMERSIAL DI TAMAN PERUMAHAN, DALAM NEGERI, UM -32	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Cops arrest cat abuser

Suspect allegedly dragged a cat with a rope tied to its neck

By **FARIK ZOLKEPLI**
farik@thestar.com.my

KUALA LUMPUR: A 43-year-old man has been detained for allegedly abusing a cat.

City police chief Comm Datuk Rusdi Mohd Isa said the suspect was arrested at his home at about 6.10pm on Sunday.

"A team from the Brickfields

CID serious crime division (D9) arrested the suspect.

"We are investigating the case under Section 428 of the Penal Code.

"The suspect has been remanded to assist in investigations," he said.

He urged those with information on the incident to contact the KL police hotline at 03-2115 9999

or the Brickfields police hotline at 03-2297 9222 or any nearest police station.

A police report was lodged over the incident in Old Klang road.

The video of the alleged abuse, showing a man dragging a cat using a rope tied to its neck, has since gone viral on social media.

An individual who saw the video lodged a police report at

5.26pm on Saturday.

The police report and the video were also referred to the Kuala Lumpur Veterinary Services Department for further action.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/11/2024	SINAR HARIAN	KUALA LUMPUR	24

Lelaki dera kucing tular di media sosial akhirnya dicekup polis

KUALA LUMPUR - Polis menahan seorang lelaki selepas disyaki mendera seekor kucing di sebuah taman perumahan di Jalan Klang Lama, di sini, pada Ahad.

Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Rusdi Mohd Isa berkata, pihaknya terkesan satu rakaman video tular berdurasi sembilan saat dimuat naik seorang pemilik akaun TikTok pada jam 5.26 petang pada Sabtu.

"Rakaman video ini memaparkan seorang lelaki menganiaya seekor kucing dengan menariknya menggunakan tali dijerut pada leher haiwan ter-



RUSDI

babit," katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

Rusdi berkata, bertindak atas maklumat, sepasukan anggota dari Bahagian Siasatan Jenayah, Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Brickfields menahan seorang lelaki berusia 43 tahun di kediamannya pada jam 6.10 petang.

"Satu kertas siasatan dibuka mengikut Seksyen 428 Kanun Keseksaan," katanya.

Beliau berkata, polis sudah membuat permohonan reman mengikut Seksyen 117 Kanun Tatacara Jenayah bagi melengkapkan siasatan.

"Orang ramai yang mempunyai

maklumat berkenaan kejadian ini boleh menghubungi talian *Hotline* Polis Kuala Lumpur, *Hotline* IPD Brickfields atau mana-mana balai polis berhampiran," ujarnya.

Terdahulu, pada Sabtu, media melaporkan polis ada menerima laporan berkaitan kejadian itu daripada seorang individu sebaik video berkenaan menjadi tular.

Pengadu mendakwa video terbabit memaparkan seorang individu tidak dikenali melakukan penderaan terhadap haiwan.

Video itu turut memaparkan alamat dipercayai lokasi kejadian.

Laporan polis juga sudah dihantar ke Bahagian Penguat Kuasa Jabatan Veterinar Kuala Lumpur untuk tindakan lanjut.



Tangkap layar memaparkan seorang individu menjerut leher seekor kucing yang tular di media sosial.

Agrobank sedia kemudahan perbankan di Sungai Koyan

PETALING JAYA – Agrobank melancarkan satu rangkaian baharu di Sungai Koyan, Pahang bertujuan untuk memperluas aksesibiliti perbankan di kawasan pedalaman sekali gus meningkatkan komitmen bank meningkatkan perkhidmatannya di seluruh negara, terutamanya di kawasan luar bandar dan sektor pertanian.

Menurut Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin, pihaknya percaya bahawa perkhidmatan kewangan yang menyeluruh dan mudah diakses merupakan pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi tempatan dan pembangunan sosial.

"Dengan menjadi penyedia

perkhidmatan kewangan tunggal di kawasan Sungai Koyan, Agrobank mengambil langkah strategik ini untuk menghapuskan jurang kepada akses kewangan serta memperkasa komuniti unserved dan underserved.

"Ini mencerminkan komitmen kami untuk menjadikan akses perbankan lebih dekat dengan rakyat tanpa mengira latar

belakang."

"Antara servis perbankan yang ditawarkan di Agrobank Sungai Koyan termasuk pembukaan akaun simpanan atau akaun deposit tetap, perkhidmatan melibatkan tunai melalui ATM, dan CDM serta khidmat nasihat berkaitan permohonan pembiayaan," katanya dalam kenyataan di sini baru-baru ini.



TENGKU AHMAD BADLI SHAH

95% of padi farmers yet to sign up for protection plan

Izham: Scheme will safeguard growers from natural disasters

ONLY 5% of the 7,407 padi farmers in Selangor have registered for the Agrofood Takaful Protection Scheme (STTP) that provides assistance in the event of natural disasters.

State infrastructure and agriculture committee chairman Izham Hashim said so far, only 330 padi farmers have signed up for the scheme.

He said Agrobank was in the process of disseminating information to farmers and relevant agencies to get them to open accounts and register for the STTP.

"The collection of farmers' registration data from Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) is ongoing.

"The STTP, launched on Sept 13, 2024 was to replace the Padi Crop Disaster Fund (TBTP).

"It provides protection against crop damage caused by natural disasters such as floods (up to RM3,000 per hectare per season) and pest infestation and crop diseases (up to RM1,500 per ha per season)," he said during the Selangor State Assembly sitting at Bangunan Dewan Negeri Selangor in Shah Alam.

Izham was replying to Sallehen Mukhyi (PAS-Sabak) who asked about the state government's assistance for farmers who were affected by floods and faced losses.

"All disasters related to padi cultivation, such as floods and drought must be reported to the Integrated Agriculture

Development Area (Iada) Barat Laut Selangor and Selangor Agriculture Development Department for investigation, review and verification before being approved by the state and federal disaster management committees."


He added that compensation for damaged padi crop was subject to recommendations of the state government's technical committee.

"Selangor government allocated RM8.9mil last year to alleviate farmers' burden as a result of crop losses due to disease, at RM500 per ha (RM300 in cash and RM200 for padi seeds).

Sallehen also asked about the short-term and long-term strategies to minimise negative impact of floods.

For the short-term strategy, Izham said maintenance work was being carried out according to schedule before padi planting season begins.

"This includes ensuring pumps and drainage under the Drainage and Irrigation



Selangor allocated RM8.9mil to compensate padi farmers for crop losses due to disease. — Filepic

Department's (DID) supervision are maintained," he said.

"The maintenance of water control gates, such as drainage control gates, drainage end control gates and under-drainage

culverts is also being carried out."

For the long-term strategy, Izham said the state government, through DID, planned to carry out a study on drainage

and irrigation at padi fields in Sabak Bernam.

"A proposal for this project will be submitted under the 13th Malaysia Plan (RMK13)," Izham added.



AM > BERITA

Pesawah Di Selangor Disaran Daftar Skim Takaful Tanaman Padi – Exco

🕒 25/11/2024 05:18 PM



--fotoBERNAMA

SHAH ALAM, 25 Nov (Bernama) -- Pesawah di negeri ini disarankan mendaftar sebagai peserta Skim Takaful Tanaman Padi (STTP) yang memberi mereka perlindungan sekiranya tanaman padi musnah akibat bencana atau penyakit.

Pengerusi Jawatankuasa Infrastruktur dan Pertanian Selangor Izham Hashim berkata setakat ini hanya 330 pesawah yang menyertai STTP berbanding bilangan pesawah di negeri ini yang mencecah 9,000 orang.

"Pada September lepas, STTP dilancarkan yang menawarkan perlindungan takaful sehingga RM3,000 untuk bencana alam bagi sehektar semusim manakala serangan makhluk perosak dan penyakit tanaman sehingga RM1,500.




"Ketika ini Agrobank dalam proses hebahan maklumat berkaitan STTP kepada pesawah dan agensi berkaitan," katanya menjawab pertanyaan Sallehen Mukhyi (PN-Sabak) berhubung fenomena cuaca dan ban pecah serta kesan ke atas pesawah pada persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor di sini hari ini.

Mengulas lanjut, Izham berkata segala bencana berkaitan tanaman padi, banjir, kemarau dan padi rebah perlu dilaporkan kepada Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Barat Laut Selangor dan Jabatan Pertanian untuk siasatan, semakan serta pengesahan sebelum diluluskan jawatankuasa bencana peringkat negeri dan Persekutuan.

Beliau berkata penyaluran bantuan akan dilaksanakan di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM).



-- BERNAMA



BERNAMA menyediakan informasi dan berita terkini yang sahih dan komprehensif yang disebarkan melalui Wires BERNAMA; www.bernama.com; BERNAMA TV di saluran Astro 502, unifi TV 631 dan MYTV 121 dan Radio BERNAMA di frekuensi FM93.9 (Lembah Klang), FM107.5 (Johor Bahru), FM107.9 (Kota Kinabalu) dan FM100.9 (Kuching).

Ikuti kami di media sosial :

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/11/2024	TVS	ONLINE	

Sarawak sasar kurangkan kebergantungan kepada beras import



KUCHING, 26 Nov: Sarawak menyasarkan untuk mengurangkan kebergantungan kepada beras import dari negara asing selain mengukuhkan potensi sebagai pengeksport beras utama di rantau ini.

Premier Sarawak Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg berkata, perkara tersebut didorong oleh beberapa faktor antaranya perubahan iklim.

“Vietnam sekarang menghadapi masalah banjir dan sekiranya padi tidak tumbuh, dari mana kita hendak memperoleh bekalan beras? Kita mengimport dari Vietnam dan mereka pula menghadapi masalah (bencana), tidak konsisten.

“India pula sedang menghadapi turnout, selain banjir. Kita bergantung kepada India. Kalau India tidak menghasilkan beras, berlaparlah kita.

“Apabila saya melihat keadaan sedemikian, saya cuba (menanam padi) di Gedong dengan benih daripada Vietnam. Saya bekerjasama dengan Universiti Putra dan nampaknya berhasil, dalam masa tiga bulan sudah boleh dituai,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapannya pada Majlis Makan Malam Sambutan ke-100 Tahun Jabatan Pertanian Sarawak di sebuah hotel terkemuka di sini malam tadi.

Mengulas lanjut beliau berkata, pihaknya mengusahakan tanaman padi di kawasan tanah milik kerajaan negeri seluas 6,000 hektar di zon selatan termasuk Limbang dan Lawas yang dijangka mampu menghasilkan sehingga 124,000 tan padi setahun.

“Kalau 1,000 hektar dapat menghasilkan lapan tan, bermakna 6,000 hektar akan menghasilkan 48,000 tan.

“Dalam masa dua tahun bersamaan dengan lima musim, ia dapat menghasilkan sehingga 248,000 tan,” ujarnya.

Justeru beliau berhasrat untuk menambah keluasan tanah bagi tujuan penanaman padi sehingga 10,000 hektar bagi menghasilkan sehingga 400,000 tan padi dalam masa dua tahun.

Menurutnya, perkara itu sekali gus menjadikan Sarawak sebagai pengeluar serta pengeksport padi utama di rantau ini. -TVS

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/11/2024	SINAR HARIAN	SHAH ALAM	26

Selangor salur RM8.9 juta kepada pesawah, kurang beban kerugian

SHAH ALAM - Selangor menyalurkan peruntukan sebanyak RM8.9 juta kepada pesawah bagi mengurangkan beban kerugian apabila padi ditanam diserang penyakit.

Exco Infrastruktur dan Pertanian Negeri Selangor, Ir Izham Hashim memaklumkan, peruntukan disalurkan pada kadar RM500 sehektar iaitu RM300 bayaran tunai dan RM200 bayaran benih padi.

Menurutnya, bencana berkaitan

tanaman padi seperti banjir, kemarau dan padi rebah dialami pesawah perlu terlebih dahulu dilaporkan kepada pihak IAD-ABLS dan Jabatan Pertanian untuk siasatan, semakan dan pengesahan sebelum diluluskan Jawatankuasa Bencana Peringkat Negeri dan Persekutuan.

"Penyaluran bantuan melalui Tabung Bencana Tanaman Padi dilaksanakan di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan

Makanan antaranya bantuan kerugian hasil pada peringkat tanaman padi 71 hingga 120 hari ialah RM1,800 sehektar.

SIDANG DUN SELANGOR

"Bantuan penanaman semula padi pada peringkat tanaman satu hingga 70 hari ialah RM876 sehektar manakala bantuan bencana kemarau pada peringkat tanaman padi satu hingga 120 hari ialah RM876 sehektar," ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/11/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	35

'Kami jaga, bela tapi pencuri yang sauk'

Oleh MUHAMMAD ZIKRI
utusannews@mediamulia.com.my

PONTIAN: Komuniti Perikanan Pulau Sebatang (MyKP) mendakwa mengalami kerugian kira-kira RM500,000 setahun akibat perbuatan mencuri kerang yang dilakukan oleh pihak tidak bertanggungjawab.

Pengerusinya, Ismail Hassan berkata, kira-kira 15 tan kerang pelbagai saiz termasuk anak benih kerang dicuri sehingga menyebabkan 20 nelayan yang melakukan kerja-kerja menyauk kerang dibawah MyKP kehilangan sumber pendapatan.

Menurutnya, saiz kerang yang dibenarkan untuk dituai

oleh Jabatan Perikanan ialah 24 milimeter (mm), namun kebanyakannya tidak sempat membesar disebabkan tindakan rakus pihak tidak bertanggungjawab tersebut.

"Pembeli kerang yang dicuri boleh diibaratkan sebagai pembeli besi buruk yang membeli pelbagai jenis besi buruk termasuk yang dicuri," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Beliau berkata, MyKP telah diberikan dua lot kawasan pembiakan kerang di laut Pulau Sebatang dengan dikenakan pembayaran tol, dengan setiap lot diberikan kepada 10 nelayan untuk menjaganya.

"Tetapi kawasan yang telah

dikhaskan kepada kami pun turut diceroboh, bagaimana kami semua nak cari sesuap nasi," tegasnya sambil berharap pihak berkuasa meningkatkan penguatkuasaan bagi membanteras kegiatan mencuri kerang daripada terus berleluasa.

Beliau juga mencadangkan supaya penjual kerang perlu mengemukakan permit dengan menyatakan lokasi kerang yang diambil bagi mengesan kerang yang dicuri.

Hassan berkata, ahli MyKP sentiasa mematuhi peraturan dengan melepaskan semula anak-anak kerang ke laut bagi membolehkannya membesar sebelum boleh dituai.



ISMAIL Hassan menunjukkan sauk kerang yang digunakan golongan nelayan di Jeti Pengkalan Nelayan Pulau Sebatang, di Pontian.

20 ahli MyKP rugi RM500,000 setahun selepas 15 tan kerang dicuri

Nelayan hilang pendapatan

Oleh MUHAMMAD ZIKRI

PONTIAN – Komuniti Perikanan Pulau Sebatang (MyKP) di sini kehilangan pendapatan kira-kira RM500,000 setahun akibat kerang yang ditenak dicuri pihak tidak bertanggungjawab.

Pengerusi MyKP, Ismail Hassan berkata, anggaran kasar kehilangan kerang yang dicuri pula kira-kira 15 tan kerang setahun pelbagai saiz termasuk 'anak-anak' kerang.

Katanya, disebabkan itu, kira-kira 20 nelayan yang melakukan kerja-kerja menyauk kerang di bawah MyKP kehilangan sumber pendapatan.

Ujarnya, saiz kerang yang dibenarkan untuk dituai oleh Jabatan Perikanan ialah 24 milimeter (mm), namun kebanyakan hasil itu tidak sempat membesar disebabkan tindakan rakus pencuri terbabit.

"Maknanya kerang yang paling elok bagi 1 kilogram (kg) antara 100 hingga 120 biji kerang, namun pihak yang membeli hasil curi berkenaan tidak mengambil kira semua itu memandangkan anak-anak kerang pun mereka borong sekali.

"Pembeli kerang dicuri boleh dibaratkan sebagai pembeli be-

si buruk yang membeli pelbagai jenis besi buruk termasuk yang dicuri," katanya ketika ditemui di Jeti Pengkalan Nelayan Kampung Pulau Sebatang, di sini semalam.

Tambahnya, keadaan itu sungguh mendukacitakan kerana pendapatan daripada hasil menyauk kerang merupakan 'bonus' tahunan kepada ahli-ahli MyKP pada setiap tahun, namun kini segalanya telah hilang.

"MyKP telah diberikan dua lot kawasan pembiakan kerang di laut Pulau Sebatang dengan dikenakan pembayaran tol, yang mana setiap lot diberikan kepada 10 orang nelayan untuk menjaga ganya.

"Kawasan yang telah dikhaskan kepada kami pun turut diceroboh, bagaimana kami semua nak cari 'makan'," katanya.

Ismail memberitahu, bagi mencegah perkara itu dari terus berleluasa, dia mencadangkan supaya penguatkuasaan bagi membentasi pencuri kerang dilakukan di darat.

Dalam hal ini ujaranya, setiap penjual kerang perlu mengemukakan permit sebelum mereka menjual hasil tersebut kepada pihak lain dengan menyatakan lokasi kerang yang diambil.



ISMAL menunjukkan sauk yang digunakan untuk menyauk kerang di Jeti Pengkalan Nelayan Pulau Sebatang, Pontian semalam.

'Ingatkan sempatlah kutip hasil sebelum tengkujuh'

Pasir Mas: Mohd Faris Afifi Azman, 32, terpaksa meredah air separas 0.2 sehingga 0.4 meter (m) untuk memetik timun selepas kebun miliknya dilanda banjir akibat hujan lebat di Kampung Lati di sini.

Dia berkata, kebun seluas 0.1 hektar itu berada di kawasan rendah menyebabkan air bertakung seterusnya banjir dan mengambil masa lama untuk surut sepenuhnya.

Katanya, susulan cuaca yang sukar dijangka, kali ini dia terpaksa berhadapan dengan proses memetik timun ketika musim tengkujuh, sekali gus memberi kesan kepada jumlah hasil serta kualiti tanamannya.

"Saya sudah mengusahakan tanaman timun selama tiga tahun dan pernah melalui pengalaman memetik hasil pada musim sempat nak kutip hasil sebelum banjir, rupanya jangkaan saya meleset

"Bagaimanapun saya masih boleh mendapatkan hampir 300 kilogram (kg) timun setiap hari untuk dihantar kepada pemborong di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Tunjong, Kota Bharu.

"Selain itu timun yang



MOHD FARIS AFIFFI MENGUTIP HASIL TIMUN DI KEBUMNYA WALAUPUN TERPAKSA MEREDAH AIR BANJIR.

- GAMBAR NSTP/NIK ABDULLAH NIK OMAR

dikutip pada musim hujan berisiko diserang penyakit atau serangga, sekali gus mengurangkan kualiti tanaman. Justeru saya akan meneliti kutipan sebaknya sebelum dijual," katanya.

Mohd Faris yang juga bapa kepada pasangan kembar berusia sembilan ta-

hun berkata, harga timun di pasaran sering kali berubah-ubah namun nilai semasa untuk satu plastik seberat tujuh kilogram ialah RM15.

"Untuk tanaman timun ia mengambil masa 33 hari bagi proses semaian sehingga benar-benar matang untuk dipetik. Manakala proses memetik pula

adalah 35 hari, tetapi ia bergantung kepada keadaan cuaca.

"Saya berharap ada rezeki saya untuk mendapatkan hasil sepenuhnya kerana jika hujan terus melanda kemungkinan besar tempoh kutipan timun jugaga terjejas," katanya yang turut dibantu isteri, Nafiah Mohd Nafi, 33.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/11/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	31

DUN: Peruntukan RM1 bilion naik taraf infrastruktur padi

ALOR SETAR: Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Kedah semalam dimaklumkan usaha menjayakan projek penanaman padi lima kali dua tahun di negeri ini akan memfokuskan kepada menaik taraf infrastruktur sumber pengairan sebagai persediaan menghadapi musim kemarau.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Perladangan dan Pengangkutan negeri, Dzowahir Ab. Ghani berkata, peruntukan sebanyak RM1 bilion dalam Belanjawan 2025 negara merangkumi dua komponen iaitu Projek Pembangunan Sistem Pengairan Tersier ke atas 15 blok pengairan (Fasa I) dan Projek Pemulihan Empangan Pedu.

“Pelaksanaan projek ini dapat meningkatkan kecekapan pengurusan air pertanian di peringkat sawah dan bekalan air domestik serta industri bagi Kedah utara, Perlis serta seba-

hagian Pulau Pinang. Melalui pelaksanaan inisiatif ini, kecekapan pengurusan air untuk pertanian dapat dioptimumkan melalui peningkatan kepadatan infrastruktur di kawasan sawah padi.

“Pembangunan sistem pengairan tersier (parit) akan meningkatkan kepadatan infrastruktur daripada 18 meter sehektar kepada 30 meter sehektar yang seterusnya dapat menyokong penanaman padi lima musim dalam tempoh dua tahun di Kawasan Muda,” katanya pada Mesyuarat Ketiga Penggal Kedua DUN Kedah di sini semalam, bagi menjawab soalan lisan Bau Wong Bau Ek (PH-Sidam) berkaitan usaha kerajaan negeri untuk menjayakan projek penanaman padi lima kali dua tahun yang dikatakan mampu meningkatkan hasil padi sebanyak 15 peratus.

Dzowahir berkata, usaha

berterusan dalam bentuk penyelidikan perlu dilaksanakan bagi penemuan sumber air baharu untuk menghadapi situasi luar jangka seperti kemarau.

“Sumber air pengairan bagi tanaman padi di Kawasan Muda adalah turunan hujan sebanyak 43.4 peratus, bekalan empangan (40.7 peratus), aliran sungai (11.7 peratus) dan pam guna semula air (4.2 peratus).

“JPS Kedah sentiasa komited membantu pelaksanaan program ini berjaya dengan memastikan sistem pengairan di kawasan terlibat dalam keadaan baik dan sempurna. Penyelenggaraan berkala turut dilaksanakan bagi memastikan air sampai ke kawasan sawah tanpa halangan,” katanya.

Kerajaan negeri melalui JPS dan Jabatan Pertanian memulakan projek rintis penanaman padi lima kali dua tahun di daerah Kuala Muda pada 2023.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/11/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	32

+ Laksana tanaman buah-buahan komersial di taman perumahan

SEREMBAN: Tanaman buah-buahan seperti mangga, durian, dan rambutan antara yang akan dipertimbangkan oleh kerajaan Negeri Sembilan menerusi pelaksanaan Program Touch Point Tanaman Buah-buahan iaitu inisiatif yang diperkenalkan pada pembentangan Belanjawan 2025 Negeri Sembilan baru-baru ini.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pertanian, Keterjaminan Makanan dan Kos Sara Hidup negeri, Datuk Seri Jalaluddin Alias berkata, menerusi program berkenaan yang mendapat peruntukan RM500,000 itu, ia memberi tumpuan kepada dua pendekatan iaitu yang pertama menerusi pengedaran benih tanaman buah-buahan terpilih kepada komuniti yang berpotensi menjadi sumber pendapatan tambahan.

Tambah beliau, pendekatan kedua pula adalah menerusi penghijauan aneka tanaman di komuniti di mana ia melibatkan usaha memperindah kawasan taman perumahan dan desa dengan tanaman buah-buahan.

“Pendekatan ini adalah bagi mencetus minat masyarakat di negeri ini untuk menanam buah-buahan terpilih di kawasan perumahan mereka, maknanya di kawasan bandar kita boleh tanam manga, durian dan rambutan.



JALALUDDIN Alias pada Sesi Pertanyaan Lisan Hari Ketiga, Persidangan Ketiga (Belanjawan) Penggal Kedua, Dewan Undangan Negeri (DUN), Negeri Sembilan Yang Ke-15 di Seremban semalam.

“Selain bagi memperkenalkan tanaman yang bernilai komersial dan berpotensi menjadi sumber pendapatan, ia juga memperindahkan kawasan daripada kita tanam pokok yang tidak memberi hasil.

“Sebagai contoh, sekiranya kita mempunyai satu perkampungan yang mempunyai 50 rumah, setiap rumah ini akan bekalkan benih pokok mangga, supaya kampung ini akan dikenali sebagai mengeluarkan produk manga pada lima tahun

akan datang,” katanya.

Jalaluddin yang juga Exco Kanan Kerajaan Negeri Sembilan berkata demikian pada Sesi Pertanyaan Lisan (Hari Kedua) Persidangan Ketiga (Belanjawan) Penggal Kedua, DUN Negeri Sembilan Yang Ke-15 semalam.

Beliau menjawab soalan tambahan P. Gunasekaran (PH-Seremban Jaya) yang ingin mengetahui apakah tanaman alternatif yang boleh dipertimbangkan untuk ditanam di kawasan taman perumahan.